



PERIHAL Keadilan

TINJAUAN WACANA KEADILAN MODEN

11
2
HAZMAN BAHAROM

Kata Pengantar oleh YB Dr Maszlee Malik

Persoalan keadilan merupakan sesuatu yang telah lama dibahaskan para pemikir dalam sejarah manusia. Ia melibatkan isu bagaimana sesuatu barangan, manfaat, beban, kekayaan, kuasa, dan status boleh diagih-agihkan secara paling adil di kalangan semua manusia. Persoalan ini sentiasa malar hijau, kerana dalam mana-mana tamadun, pasti akan ada ketidakadilan dan usaha manusia untuk merespon terhadapnya. Respon-respon ini mempunyai pelbagai landasan idea di peringkat falsafah, yang seterusnya membuahkan pelbagai aksi.

Buku ini cuba membawa para pembaca meninjau secara ringkas bagaimana manusia memasuki zaman moden, dan apakah tuntutan keadilan yang harus difikirkan, yang bersesuaian dengan konteks zaman. Beberapa idea pemikir besar keadilan seperti John Rawls, Robert Nozick, Michael Walzer, dan Amartya Sen akan ditinjau satu-persatu. Ia merupakan satu pengembaraan meneroka pemikiran-pemikiran besar berkait keadilan. Daripada pengembaraan ini, para pembaca dapat menggarap dengan lebih jelas apakah yang dimaksudkan dengan 'zaman moden' dan apakah perkara yang menjadi keperluan dari sudut keadilan sejagat.

7/11/2019

PERIHAL KEADILAN

Strategic Information and Research Development Centre (SIRD) adalah sebuah badan penerbit bebas yang ditubuhkan pada Januari 2000 di Petaling Jaya, Malaysia. Penerbitan **SIRD** merangkumi pelbagai bidang pengajian ilmu seperti pengajian Malaysia dan Asia Tenggara, pengajian gender, sains sosial, politik, ekonomi dan hubungan antarabangsa. Buku terbitan kami juga sesuai untuk semua lapisan masyarakat khususnya komuniti ilmunan, pelajar, badan bukan kerajaan (NGO), pembuat polisi, dan masyarakat awam.

SIRD juga mengedarkan buku (melalui cabang organisasinya; **GB Gerakbudaya Enterprise Sdn Bhd**) terbitan cendekiawan dan institusi-institusi penerbitan, NGO-NGO, dan penerbit-penerbit bebas yang lain. Selain itu, kami juga menganjurkan seminar, forum dan diskusi berkumpulan. Kami percaya, semua ini adalah bermanfaat untuk pembangunan dan penggabungan gagasan pemikiran kebebasan awam dan demokrasi.

PERIHAL Keadilan

TINJAUAN WACANA Keadilan MODEN

HAZMAN BAHAROM

PUSTAKA PERDANA



1012037

SIRD

Strategic Information and Research Development Centre,
Petaling Jaya, Malaysia.



Hakcipta © Hazman Baharom

Edisi ini diiterbitkan pertama kali pada 2019 oleh

Strategic Information and Research Development Centre (SIRD)

No. 2, Jalan Bukit 11/2

46200 Petaling Jaya

Selangor, Malaysia

Email: gerak@gerakbudaya.com

Website: www.gerakbudaya.com

Semua hak cipta terpelihara. Mana-mana bahagian buku juga tidak dibenarkan ditiru, disimpan di dalam sistem pengeluaran semula, atau pun dipancarkan walau melalui sebarang cara sekali pun termasuklah kaedah elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman atau lain-lain tanpa kebenaran hak cipta terlebih dahulu.

Perpustakaan Negara Malaysia / Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Hazman Baharom

PERIHAL KEADILAN: Tinjauan Wacana Keadilan Moden / Hazman Baharom.

ISBN 978-967-2165-56-9

1. Justice.

2. Fairness.

I. Judul.

320.011

Atur huruf dan pereka bentuk kulit buku oleh Janice Cheong

Pencetak:

Vinlin Press Sdn. Bhd.

No. 2, Jalan Meranti Permai 1

Meranti Permai Industrial Park

Batu 15, Jalan Puchong

47100 Puchong, Selangor, Malaysia



Kandungan

<i>Kata Pengantar</i>	ix
<i>Prakata</i>	xiii
Pendahuluan	1
BAB 1 Manusia, Kewujudannya, dan Keadilan	11
BAB 2 Mengapa Keadilan Kepengagihan?	39
BAB 3 Meninjau Perubahan Masyarakat	65
BAB 4 Keadilan Kepengagihan dan Sejarah Modennya	95
BAB 5 Penelitian Terhadap Rawls	123
BAB 6 Penelitian Terhadap Nozick	153
BAB 7 Penelitian Terhadap Walzer	175
BAB 8 Penelitian Terhadap Sen	201
BAB 9 Keadilan Peringkat Global	225
BAB 10 Kritik-Kritik Feminis	245
<i>Kesimpulan</i>	263
<i>Bibliografi</i>	267

Untuk Nur Adilla, Cahaya Keadilan

Kata Pengantar

Menonton Rawlsian Bertinju

Persoalan Keadilan dan perbincangan Keadilan di dalam masyarakat Malaysia sering didominasi dengan data *transcendent* yang meletakkan takrifan Keadilan sebagai sesuatu yang muktamad. Kemuktamadan tersebut sering didasari oleh lazimnya pendekatan teologi, dengan menyandarkan pendapat popular tradisional berteraskan teologi ataupun pendekatan positivisme legalistik.

Di satu sudut pula, idea keadilan sosial juga dilihat oleh sesetengah kelompok sebagai satu yang sakral dan muktamad untuk memperincikan persoalan keadilan. Hal ini sekaligus menyahkan perbincangan asasi para pemikir politik dan ekonomi yang melihat pentakrifan Keadilan dari sudut yang lebih holistik. Keadilan pemilikan, keadilan pencarian, keadilan pengagihan, keadilan konsekuensi dan lain-lain lagi yang dibicarakan secara mendalam di dunia akademik. Perbincangan-perbincangan tersebut bukanlah sesuatu yang bersifat awanan, tetapi ianya menterjemahkan perihal polisi dan dasar yang mendominasi sesebuah masyarakat, malah sesebuah negara.

Membaca karya Hazman Baharom ini seolah-olah membawa kita melayari himpunan karya-karya seumpama *A Short History of Nearly Everything* (Bill Bryson), *The Great Transformation* (Karl Polanyi), *History of Western Philosophy* (Bertrand Russell), serta Himpunan Sejarah oleh Eric Hobsbawm. Tidak dinafikan juga, bagi mereka yang belum berkesempatan meneliti isu keadilan menurut Locke, Hume, Rawls, Nozick, dan Amartya Sen, buku ini merupakan siri 'readers' yang amat bermanfaat sebelum mereka mentelaah helaian buku-buku tersebut. Penulis telah mempersembahkan di dalam buku ini ringkasan dan kupasan idea-idea utama di dalam buku-buku para pemikir tersebut.

Menariknya, setiap bab yang disajikan oleh penulis sentiasa mencabar zon keselesaan pembaca serta menolak pembaca dari kesejahteraan dan ketenteraman minda taklidi konvensional. Penulis juga melalui

perenggan-perenggan buku ini tidak sekali-kali berkompromi dengan *mediocrity* (kesederhanaan yang tidak berkualiti). Perbincangan di dalam buku ini telah berjaya menolak keluar para pembaca dari pemikiran status quo berkaitan isu keadilan.

Seperkara yang tidak boleh dielakkan ialah kecenderungan penulis kepada *Rawlsian justice* yang ditampung oleh sentuhan idea kritikal beliau. Latar belakang pendidikan agama penulis juga telah menjadikan kemampuan beliau untuk membuat cuplikan-cuplikan keagamaan sebagai awan larat dalam beberapa argumentasi beliau tentang beberapa topik dalam helaian-helaian tertentu buku ini.

Saya masih ingat lagi kali pertama berkenalan dengan penulis di United Kingdom, di mana beliau meminta saya membawakan definisi “keadilan” dalam Islam. Seperti ramai pengkaji ilmu Islam klasik, saya lebih terkongkong dengan pendefinisian teologi dan juga kerangka legalistik *fiqhi* yang berteraskan *maslahah* (mirip utilitarian ala Mill). Sudah tentunya pendefinisian seumpama itu tidak akan memberikan jawapan yang komprehensif terhadap isu-isu politik, dan juga ekonomi yang memerlukan kerangka yang lebih abstrak dan dinamik dengan mengambil kira bukan sahaja kepada mekanisme, tetapi juga natijah kepada mekanisme yang disifatkan sebagai adil itu. Soalan beliau pada tahun 2014 itu telah membuatkan saya menjadi gelisah untuk menemukan jawapannya. Buku ini nampaknya merupakan jawapan kepada persoalan tersebut.

Cuma di dalam perbincangan penulis yang begitu komprehensif, beliau kurang menyentuh secara serius perkembangan global terkini yang turut memberikan horizon baru kepada perbincangan mengenai isu keadilan, iaitu isu identiti. Dunia pasca-Trump telah melihatkan bagaimana isu identiti kini mempengaruhi wacana global, dari peperangan perdagangan, isu sempadan, isu politik serantau, isu imigrasi, isu ekonomi dan juga isu hubungan kaum dan negara. Karya Fukuyama tentang ‘*Identity*’ dan karya-karya Tim Marshall berkaitan dengan politik identiti juga wajar diteliti untuk melihat bagaimana wacana ‘keadilan’ juga terkesan dengan kerangka identiti mutakhir ini.

Apapun, membaca buku ini ialah menonton perkelahian teori keadilan yang begitu rencam dan meriah. Umpama menonton *Rawlsian* bertinju dengan teori-teori keadilan lain tanpa sedikit pun mengalah.

Perlawanan yang dipersembahkan bakal menjanjikan wacana yang segar dan riuh dari kalangan pengkritik khususnya.

Akhir sekali, bagi mereka yang laparkan ilmu, dahagakan teori, rindukan perdebatan wacana, saya yakin, buku tidak akan sesekali mengecewakan anda.

YB Dr Maszlee Malik

Menteri Pendidikan Malaysia

Prakata

Ayah saya pernah bercerita, bahawa pada tahun 1970-an dahulu, ada satu peristiwa kebuluran pernah melanda para petani di kawasan kampung di daerah Sik dan Baling, Kedah. Ketika itu beliau masih remaja, dan mahasiswa Universiti Malaya yang diketuai oleh Anwar Ibrahim telah turun ke kampung-kampung di Baling dan Sik. Anak-anak muda di kampung menyambut mereka kerana ketika itu, sesiapa yang berjaya masuk universiti akan menjadi sanjungan orang kampung. Mereka, yakni anak-anak muda di kampung, berdemonstrasi di Padang Awam Sik dengan mencucuk ubi-ubi kayu di hujung dahan kayu, menunjukkan betapa akses kepada beras sangat terbatas sehingga mereka terpaksa makan ubi kayu untuk hidup. Euforia ini mengingatkan kita kepada kesusahan hidup pada zaman pendudukan Jepun dahulu, apabila berlakunya hiper-inflasi sehingga orang kampung tidak mampu menanggung harga beras yang mahal.

Akibat demonstrasi yang besar itu, pihak kerajaan telah menghantar Musa Hitam sebagai wakil untuk berunding dengan orang-orang kampung dan menyampaikan bantuan makanan. Sebaik sahaja helikopter yang membawa Musa mendarat, anak-anak muda kampung ini menjerit beramai-ramai, “Musang Hitam!” sebagai protes kepada politikus tersebut. Kita faham, bahawa kemarahan itu bukanlah ditujukan kepada individu tersebut, tetapi kepada keseluruhan sistem pentadbiran sehingga mengizinkan kebuluran untuk berlaku di kawasan tersebut. Inilah persoalan keadilan kepengagihan, iaitu bagaimana dapat kita susun pengagihan barangan, kekayaan, dan kekuasaan agar masyarakat menjadi adil. Dalam kes kebuluran petani di Sik dan Baling itu, pengagihan dalam akses kepada beras merupakan satu masalah. Mungkin saja bekalan beras Malaysia ketika itu bukanlah dalam keadaan serius, tetapi akses orang-orang kampung ini terhadapnya tidak ada, mengakibatkan mereka tidak dapat makan. Kita harus sedari, bahawa persoalan ini melangkaui persoalan ekonomi atau ekonometriks, kerana ia melibatkan teori di peringkat kemasyarakatan dan falsafah.

Daripada cerita itu, saya tersedar beberapa perkara. Hal paling penting ialah, saya tidak pernah tahu bahawa ayah saya merupakan seorang aktivis pada zaman mudanya di kampung, sepanjang kehidupan saya selama 26 tahun. Ketika itu tentunya belum ada media sosial sebagai wahana penyebaran maklumat, yang memungkinkan aktiviti setiap orang diketahui seluruh dunia. Cerita tersebut disampaikan setelah usai majlis tahlil untuk datuk saya sebelah ibu yang baru saja meninggal dunia di Seberang Jaya, Pulau Pinang. Bagaikan putaran roda masa yang sentiasa mengitar semula sejarah, salah satu detik penting yang pernah mendefinisikan kehidupan awal ayah saya diceritakan dengan latar masa dan tempat yang sedemikian rupa. Cerita-cerita sebegini telah menjadikan saya semakin berminat untuk menggeluti persoalan-persoalan tentang keadilan di peringkat falsafah, bukan di peringkat dasar atau praktis perundangan semata-mata. Ia minat yang sudah wujud lama sejak kecil, dibugarkan dengan perbincangan-perbincangan tentang politik sejak zaman sekolah menengah yang tidak henti-henti, sehinggalah saya tiba ke Manchester. Di sini, saya juga harus katakan bahawa terdapat beberapa orang guru yang telah memarakan kesungguhan saya untuk bergelung dengan persoalan ini. Mereka telah hidup dengan memenuhi aspirasi “guru ibarat lilin,” dan dengan cahaya itulah saya mampu melangkah.

Ketika saya belajar di tahun terakhir Sarjana Muda di Manchester, saya mula tertarik untuk menjadi serius dengan perbincangan teori-teori keadilan. Bagi saya ketika itu, perbincangan di peringkat teori sebegini masih kurang dalam konteks Malaysia, apatah lagi di kalangan pemikir Islam hari ini. Saya mula nampak kepentingan teori kerana ia membantu kita menjadi konsisten dalam proses berfikir, dan kita mampu melihat daya-daya penting yang melatari pergerakan masyarakat. Justeru, dalam semester terakhir, saya menulis satu esei bertajuk “Keadilan Kepengagihan dan Tanggungjawab Intelektual Muslim: Satu Pernyataan Awal.” Esei itu telah dimuat naik dalam laman sesawang Islamic Renaissance Front (IRF), dan telah diterbitkan dalam jurnal *Obscura: Sekali Bererti* (2018). Selepas kembali ke Malaysia, saya diundang untuk membentang di Seminar Falsafah Malaysia di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) oleh seorang intelektual awam yang sangat aktif, Dr Mohammad Alinor Abd Kadir. Di situ, saya menulis satu kertas tentang Rawls bertajuk “Penentuan

Tuntutan Keadilan: Tinjauan Kritis Terhadap Rawls.” Daripada semangat esei dan kertas itulah, saya kembangkan menjadi buku di tangan anda ini.

Sepanjang proses menyiapkan buku ini, saya terhutang budi kepada banyak orang. Antaranya, pihak yang telah sudi membaca dan memberi komentar terhadap draf buku ini seperti Dr Mohammad Alinor, Dr Azhar Ibrahim (Universiti Nasional Singapura), dan sdr Hasnan Bachtiar (Jaringan Intelektual Muda Muhammadiyah). Dr Mohammad Alinor sudi mengambil masa dan menulis laporan ke atas penulisan saya setelah membaca hampir keseluruhan manuskrip buku ini, dan saya amat hargai kesungguhan tersebut, khususnya melihatkan kesibukan beliau akhir-akhir ini. Selain mereka, rakan baik saya sdr Ooi Kok Hin (Universiti Waseda), Dr Ahmad Farouk Musa (IRF), Dr Norma Sari (Universitas Ahmad Dahlan), sdr Aliff Farhan dan sdr Muhd Helmi (Independent School of Thinkers) juga berjasa kerana sudi mengambil masa membaca manuskrip buku ini. Saya terhutang budi kepada mereka.

Kemudian, saya pernah disindir oleh dua murid saya dalam Kem Pemilihan Olimpiad Falsafah Antarabangsa, iaitu Amir Rafiq dan Leah Poi Jia Yuen. Kata mereka, memulakan penulisan buku itu mudah, tetapi menyudahkannya adalah cabaran terbesar. Saya berterima kasih atas sindiran tersebut kerana secara tidak langsung, ia memberi semangat untuk saya memaksa diri menghabiskan keseluruhan buku ini. Setakat buku ini ditulis, Amir dan Leah masih belum tamat sekolah menengah. Saya amat teruja untuk melihat pencapaian mereka pada masa depan. Begitu juga dengan para pelajar saya dalam kelas-kelas Pengajian Malaysia dan Pengajian Moral di Kolej Kesihatan Ramsay Sime Darby, saya amat berterima kasih kerana saya sangat banyak belajar melalui interaksi dalam kelas bersama mereka semua.

Pada masa yang sama, banyak idea tentang Rawls dan Nozick merupakan buah-buah yang terbit daripada perbincangan saya bersama sdr Imran Rasid yang tidak terkira banyaknya sejak di Manchester dahulu. Perbincangan-perbincangan itulah yang banyak menjelaskan fikiran saya, memecahkan kebuntuan, dan mencerahkan kefahaman terhadap idea-idea besar yang cuba saya tulis dalam buku ini. Kini, beliau berjasa lagi dengan memaksa saya menyiapkan manuskrip secepat mungkin, kerana kini beliau menjadi editor bagi pihak SIRD. Sebenarnya selain Imran, banyak perbincangan sebegini pernah berlaku dengan ramai orang. Saya

tidak cukup ruang untuk menukilkan semua nama di sini. Terima kasih atas perbincangan dan paksaan yang tidak pernah berhenti, saya lebih terbutang budi.

Akhir sekali, saya mahu berterima kasih kepada isteri saya, Nur Adilla Abd Rahim yang sangat-sangat banyak bersabar dengan kerenah serta permasalahan yang saya timbulkan sepanjang proses penulisan buku ini. Kadangkala, kerenah saya itu gagal menatijahkan keadilan dalam hubungan kami akibat kekurangan, kelemahan, dan kealpaan diri saya sendiri (lantas menjadi ironis kerana saya menulis buku tentang keadilan). Saya sangat menghargai kesabaran tersebut. Bukan itu sahaja, beliau ialah genius dalam ekspresi bahasa. Ada beberapa tempat dalam manuskrip saya yang bahasanya mengarut dan mengelirukan, dan beliaulah yang telah merungkai, menggilap, dan menjadikannya lebih sempurna. Saya amat berterima kasih dan terhutang budi selama-lamanya.

Dan tidak lupa juga, Ayah dan Mama yang telah membawa saya ke daerah perbincangan ini sejak kecil, walaupun tanpa mereka sedari. Terima kasih juga kepada sidang pembaca sekalian, saya berharap buku ini mampu memberi manfaat walau sekelumit cuma.

Hazman Baharom

Februari 2019.

Pendahuluan

...Agar tidaklah perkara [harta kekayaan, pangkat kekuasaan, dan status] itu hanya berlegar-legar di kalangan golongan elit mahakaya di kalangan kamu.¹

Quran, 59:7

Ayat Quran yang dipetik di atas merupakan salah satu daripada puluhan ayat lain yang secara jelas memerintahkan supaya dilakukan keadilan kepada sesama manusia. Cuma, ayat di atas lebih eksplisit dengan maksud kepengagihan, iaitu ia mengarahkan untuk harta kekayaan (saya kembangkan maksudnya kepada pangkat kekuasaan dan status kerana itu juga semangat daripada ayat ini) agar tidak berlegar di kalangan orang-orang kaya sahaja. Jika anda lihat dalam teks asalnya yang berbahasa Arab, 'orang-orang kaya' itu diungkap dengan spesifik, yakni dalam bentuk *ma'rifah* menurut nahu bahasa Arab.² Bermaksud, seluruh masyarakat mengetahui siapakah 'orang kaya' yang dimaksudkan, dan ini membawa mesej yang jelas jika kita mahu meninjau makna serta relevansinya dalam masyarakat moden kini. Sebab itulah, saya menterjemah perkataan tersebut sebagai 'elit mahakaya,' bukan sekadar 'orang-orang kaya.' Kini, seluruh masyarakat mengenal siapakah 'elit mahakaya' yang mengawal ekonomi serta politik dunia. Dengan kuasa ekonomi, mereka mampu mengawal perjalanan politik.

¹ ...*kay lā yakūna dūlat bayna 'l-aghniyā' minkum*. Menurut Ibn Kathir, ayat ini mengehendaki untuk harta rampasan (*fay'*) yang didapati oleh Rasulullah dan sahabat-sahabat itu agar tidak kekal dimakan dan dikuasai oleh orang-orang kaya sahaja. Penguasaan itu pula hanya untuk memenuhi syahwat serta kehendak mereka semata-mata, walhal tidak ada sedikit pun yang turun kepada orang-orang miskin. Lihat Ibn Kathir, *Tafsīr al-Qur'ān al-'Azīm*. Riyadh: Dar al-Salam li 'l-Nashr wa 'l-Tawzi'; jilid 4, h. 2808-2809.

² Untuk kata nama (*ism*), bentuk *nakirah* (tidak spesifik) berlaku apabila tiadanya *alif-lam* di hadapan perkataan. Bentuk spesifik (*ma'rifah*) pula berlaku apabila adanya *alif-lam*.

Dalam ayat itu juga, objek kepada perbincangan, yakni perkara yang mahu diagih-agihkan itu, ialah sesuatu yang ‘berlegar-legar’ (*dūlat*). Perkataan ini boleh difahami dengan beberapa maksud, kerana ia berasal daripada kata akar D-W-L. Secara amnya, perkataan ini membawa maksud sesuatu yang berputar-putar, berlegar-legar, dan berpusing-pusing.³ Sebab itulah ketika para ilmuwan klasik Islam menulis tentang sistem politik, mereka menggunakan perkataan *dawlah*, yang membawa maksud dinasti yang berputar-putar, kerana mereka hidup di tengah-tengah sistem politik tersebut (dan sebab itu, adalah salah untuk menganggap sistem pemerintahan dinasti sedemikian adalah preskriptif untuk zaman kini).⁴ Ada dua maksud bagi perkataan ‘berputar-putar’ di sini: pertama, pemerintah itu hanya berlegar di kalangan keluarga yang sama, dan kedua, jika sesuatu dinasti itu jatuh, ia akan diganti dengan dinasti lain pula seumpama konsep ‘mandat dari langit’ dalam budaya Cina. Saya berpendapat, ini konotasi ayat tersebut dari sudut politik.

Selain itu, perkataan ini juga memberi konotasi status bagi kemuliaan seseorang. Sebab itulah, dalam Bahasa Melayu, perkataan ini masuk dan menjadi perkataan *daulat*, sehingga kita mempunyai laungan ‘Daulat Tuanku’ untuk raja-raja. Kedaulatan ini melambangkan status, yakni status diri raja tersebut sebagai seorang yang pangkatnya paling tinggi di kalangan manusia lain di kawasan tersebut. Malah, ketika kita menyebut istilah ‘kedaulatan negara,’ kita sedang mengandaikan satu jenis status, yang mana apabila negara kita memiliki status tersebut, ada beberapa keistimewaan yang terkandung di dalamnya dari sudut perundangan, kebudayaan, dan politik. Di sini, saya fikir, kita dapat lihat bagaimana kita dapat panjangkan makna ayat Quran tersebut ke peringkat status, yakni pangkat kemuliaan seseorang/sekumpulan manusia.

Begitu juga halnya dalam konteks Malaysia. Kita semua tahu siapakah elit-elit mahakaya yang dahulunya mengawal ekonomi semata-mata, tetapi lama-kelamaan turut mengawal politik pula. Dengan kawalan sedemikian, mereka dapat pula status sosial yang tinggi, kerana kemuliaan dalam masyarakat manusia boleh datang dengan adanya wang atau kuasa.

³ Hans Wehr, *A Dictionary of Modern Written Arabic*. Beirut: Librairie du Liban; h. 302.

⁴ Untuk huraian bagi sejarah penggunaan perkataan *dawlah* dalam politik, lihat Asma Afsaruddin (2018), *Golongan Muslim Pertama: Sejarah dan Memori*; terj. Hazman Baharom. Kuala Lumpur: Islamic Renaissance Front; h. 280-281.

Disebabkan kebarangkalian yang besar untuk kuasa ekonomi tumpah ke ranah politik, sosial, dan kemasyarakatan, perbincangan keadilan adalah sesuatu yang mendesak untuk dirancarkan kini. Apatah lagi, apabila membesarnya pengaruh syarikat-syarikat swasta dalam pengagihan pelbagai barangan dan perkhidmatan, orang-orang miskin semakin tidak mampu untuk mendapatkan akses kepada barangan-barangan tersebut akibat ketiadaan sarana material.

Permasalahan yang berlaku kini ialah ramai juga yang meletakkan justifikasi agama kepada ketidakadilan. Cakap-cakap seperti 'itulah takdir Tuhan, orang itu kaya dan orang ini miskin,' 'nak buat macam mana, rezeki masing-masing,' atau 'rezeki secupak tak akan jadi segantang,' adalah simptom kepada penyakit akal ini. Jika Tuhan menghendaki keadilan untuk berlaku sesama manusia menerusi banyak sekali ayat-ayat Quran, maka mengapa wujudnya golongan elit mahakaya yang tidak perlu bekerja langsung tetapi hartanya berbilion, kemudian adanya pengemis tepi jalan yang setiap hari bergantung kepada ihsan orang yang lalu-lalang untuk mendapatkan sesuap nasi? Mengapa Tuhan sanggup membiarkan kejahatan, dan keburukan ini terbiar, sehingga ada manusia mati kebuluran di sebahagian tempat di dunia? Adilkah kita untuk mengatakan bahawa Tuhan Maha Adil? Segala hakikat yang ada di depan mata kita semua tidak membuktikan langsung keadilan Tuhan.

Untuk memahami soalan ini, saya fikir kita perlu melihat kepada keseluruhan perjalanan sejarah manusia. Sepanjang sejarah, manusia bersama-sama akal rasionalnya-lah yang telah membina pelbagai tamadun, pelbagai sistem kemasyarakatan, dan bermacam-macam jenis pemahaman terhadap dunia. Sistem kemasyarakatan inilah yang telah mengawalselia pengagihan kekayaan, pangkat, dan status antara manusia. Proses ini merupakan sesuatu yang tabii, kerana melalui penggunaan akal rasional, kita telah melihat pelbagai kemajuan yang telah dicapai manusia. Mula-mula, manusia mula membina tamadun dengan menetap di satu tempat setelah berjaya menemukan konsep pertanian. Kemudian, manusia mencipta tulisan, yang dengannya ilmu dapat dikembangkan. Lama-kelamaan, manusia memiliki sistem sosio-politik yang kian lama kian sofistikated dan canggih, sampailah ke hari ini. Pada hari ini, pelbagai kemajuan dek kerana perindustrian sedang kita rasai. Baju yang kita pakai, kereta yang kita pandu ke pejabat setiap hari, bahkan beras

yang kita masak di dapur, semuanya dihasilkan melalui proses industri.

Sejarah manusia digerakkan oleh manusia sendiri, melalui penggunaan akal rasionalnya. Pun begitu, akal rasional ini tidak selalunya menatijahkan keadilan kepada semua orang. Sebagai contoh, *holocaust* di Eropah yang dicituskan Adolf Hitler sebelum dan semasa Perang Dunia II itu prosesnya memang rasional, kerana ia dilakukan melalui birokrasi negara moden. Namun, kita semua tahu bahawa *holocaust* merupakan salah satu kezaliman yang paling terkeji dalam sejarah manusia. Begitu juga kezaliman Israel ke atas rakyat Palestin. Proses itu juga rasional kerana ia menurut segala logik yang melatari hubungan antarabangsa kini. Sebab itulah, akal rasional manusia ini perlu dikawal dengan komitmen akliah manusia terhadap konsep-konsep yang kita anggap paling penting dalam ketamadunan. Konsep seperti keadilan, kesamarataan, maruah diri insan, dan beberapa lagi konsep asas sewajarnya menjadi sumber dan sumbu pemikiran kita dalam proses memaksimumkan potensi akal rasional anugerah Tuhan ini. Bahkan, ketika ayat-ayat Quran tentang keadilan atau kesamarataan dibaca, kita dapat mengesani tuntutan untuk sentiasa memegang komitmen terhadap konsep-konsep ini. Begitu juga dengan ayat yang dinukil di atas: agihkanlah harta kamu sekalian dengan cara paling rasional, tetapi ia mesti memenuhi syarat egalitarian, yakni orang kaya dengan orang miskin harus dilihat sebagai manusia yang setara antara satu sama lain.

Jadi, apabila Quran menyatakan komitmennya terhadap keadilan, persoalan *bagaimana* keadilan mahu dicapai itu diserahkan kepada akal rasional manusia. Hal ini kerana, keadilan secara konsep merupakan sesuatu yang transenden (mungkin boleh dikatakan *suci* kerana ia ternukil dalam Quran), tetapi tatkala ia mahu diaplikasi sebagai sesuatu yang mengawalselia pergerakan masyarakat, ia pasti akan terkurung dalam dimensi ruang-masa. Perkara ini tidak dapat kita elakkan, kerana akal rasional manusia itu sememangnya terpaksa bergerak dalam dimensi ini. Konsep keadilan yang dipakai pada zaman feudal pra-industri seribu tahun lalu tidak mungkin rasional untuk manusia pada zaman industri kapitalis pada hari ini, sekurang-kurangnya dari sudut preskripsi (walaupun konsepsi *abstraknya* mungkin boleh diterima). Saya fikir itulah kehendak Tuhan, agar isu keadilan sesama manusia itu tidak diserahkan kepada 'takdir' semata-mata, sehinggakan seolah-olah konsep 'takdir' itu

menjadi justifikasi bagi kezaliman antara manusia pula. Jika perkara itu berlaku, sudah pastilah konsep 'takdir' bersifat fatalistik yang kita pegang itu salah, kerana ia bercanggah dengan komitmen besar Quran terhadap pemanfaatan akal manusia untuk memahami lantas memperjuangkan konsep keadilan.

Begitulah halnya ketika salah seorang intelektual agung Melayu, Syed Sheikh al-Hadi mengkritik sikap masyarakat Melayu ketika berdepan dengan cabaran kolonialisme. Pemerintahan kolonial yang datang bersama segala ketidakadilan itu dianggap 'takdir,' dan kefahaman fatalistik sedemikian telah memandulkan akal umat Islam. Kata beliau,

Adakah kita menyalahkan diri kita sendiri? Tidak, tentu tidak. Sebab kita tidak mempunyai keberanian untuk berbuat demikian. Adakah kita berfikir untuk menambah baik? Tidak, kerana kita tidak mempunyai kemahuan untuk berbuat demikian. Oleh itu, kita telah mewajibkan diri untuk menutup mata kita, menurunkan kepada kita, dan menyalahkan Tuhan dengan berkata, 'Ini adalah kehendak Allah kepada kami yang dengannya kami tidak boleh berbuat apa-apa untuk menghalang atau mengubahnya.'⁵

Nah, kritikan tajam ini telah dihalakan kepada umat Islam semasa Malaya sedang dijajah British, tetapi umat Islam sendiri gagal menggunakan akal fikirannya untuk berfikir bagaimana mahu mengubah keadaan tersebut. Lebih parah, ada sebilangan mereka yang menyatakan bahawa 'itulah takdir Tuhan,' dan menjustifikasi pula kezaliman kolonial ke atas rakyat tempatan. Jika kita amati dengan mendalam, sejarah kolonialisme berlaku kerana itulah tindakan paling rasional untuk kuasa imperialis mendapatkan bekalan bahan mentah supaya perkembangan kapitalisme dapat dilestarikan. Satu-satunya cara untuk memahami bahawa proses itu tidak adil dan zalim kepada penduduk tempat hanyalah dengan cara memahami sejarah ekonomi-politik dunia, dan itu menuntut kepada penggunaan akal rasional. Akhir sekali, kegagalan memanfaatkan akallah menjadi punca mengapa manusia terperuk dengan kezaliman yang sedang melata di dunia ini, kerana kita masih lembab dalam membina idea. Idea ini bukan sekadar memahami

⁵ Syed Sheikh al-Hadi, 'Menuntut Ketinggian Akan Anak-anak Negeri,' dalam Alijah Gordon (2018), *Seruan Islah Syed Shaykh al-Hadi*; terj. Mohd Rashidi Nasharuddin & Shuhaib Ar Romy Ismail. Kuala Lumpur: Islamic Renaissance Front; h. 157-158.

kezaliman itu, tetapi turut mengimajinasi sebuah masyarakat baharu yang di dalamnya konsep-konsep keadilan tertegak. Perkara ini tidak ada dalam Quran, kerana Tuhan menghendaki kita berfikir sendiri.

Terdapat satu tren atau gaya berfikir yang turut menjangkiti umat Islam zaman kini, iaitu terlalu bergantung kepada huraian para ilmuwan lampau dalam isu-isu sosial yang sewajarnya diberi pemahaman segar pada zaman kini. Sebagai contoh, ketika berbicara tentang keadilan, maka diulang-ulang konsep keadilan yang diujarkan oleh, contohnya, Ibn Sina, Fakhr al-Din al-Razi, al-Ghazali, Ibn Taymiyyah, atau yang lebih kontemporari, Abu al-A'la al-Mawdudi, Sayyid Qutb, atau Hassan al-Banna. Kita tidak menafikan sumbangan besar mereka dalam keilmuan lampau, tetapi dalam banyak perkara, kita harus akui bahawa preskripsi mereka itu ada yang sudah menemui jalan buntu ketika berhadapan dengan kes-kes kontemporari. Tren yang tidak membantu sebegini adalah berpunca daripada kemalasan intelektual untuk menggunakan akal sebagaimana yang digunakan oleh ilmuwan-ilmuwan lampau tersebut. Perangai inilah yang telah disinggung seorang lagi intelektual agung Melayu, Pendeta Za'ba:

Pendeknya ulama-ulama Islam yang besar-besar zaman dahulu itulah orangnya yang telah berbuat sebagaimana diperbuat oleh ahli-ahli ilmu cara moden (yang bukan orang Islam) hari ini dalam berbagai-bagai lapangan penyelidikan mereka memajukan ilmu pengetahuan... iaitu mengeluarkan pengetahuan-pengetahuan baharu dan pendapat-pendapat baharu yang belum ada dikeluarkan orang dahulu daripada mereka. Hanya bezakan pada penyelidik-penyelidik dan pemikir-pemikir Islam zaman dahulu hasil-hasil baharu itu ialah pemahaman-pemahaman baharu dan kesimpulan-kesimpulan baharu yang dapat dikeluarkan mereka dari punca-punca yang sedia dalam Quran dan hadith...Maka hanyalah pada zaman-zaman yang akhir semenjak beberapa ratus tahun yang lalu ini sahaja orang-orang alim Islam hampir-hampir semuanya di serata dunia tidak lagi mempunyai semangat kesendirian kebolehan dan kelayakan untuk berbuat seperti pelopor-pelopor mereka yang dahulu kala itu.⁶

⁶ Pendeta Za'ba (2016), *Perangai Bergantung Pada Diri Sendiri (Edisi Khas)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka; h. 41-42.

Sebab itulah, adalah tidak produktif untuk sekadar menerima bulat-bulat pendapat ilmuwan-ilmuwan silam sebagai sesuatu yang mutlak kebenarannya, tetapi pendapat itu mestilah dikontekskan dengan zaman masing-masing. Dari situ, dapatlah kita mengabstrak semangat serta prinsip di sebalik preskripsi mereka itu, lalu dapat ia digunapakai dalam konteks zaman ini. Metode ini dicadangkan oleh ilmuwan Islam kontemporari, Fazlur Rahman sebagai *twofold approach*.⁷ Kita bertolak daripada teks kepada konteks, dan daripada konteks itu disesuaikan dengan tuntutan zaman dan tempat kita pada masa kini.

Pengenalan Ringkas Bab

Dalam buku ini, kita akan bermula dengan meninjau secara ringkas sejarah manusia dan bagaimana mereka memahami kewujudan diri mereka dalam Bab 1. Perkara ini adalah penting supaya kita menghargai hakikat bahawa setelah manusia hidup bermasyarakat, timbullah tuntutan keadilan sosial antara manusia. Dengan meninjau perkembangan manusia dalam sejarah, kita dapat mengenalpasti kepentingan serta struktur keadilan yang berbeza dalam setiap masyarakat manusia.

Seterusnya, Bab 2 pula akan menggariskan justifikasi kepada kepentingan perbahasan keadilan kepengagihan, yang dibezakan daripada keadilan jenayah. Bab ini berhajat untuk menunjukkan mengapa perbincangan keadilan jenayah semata-mata, seperti yang menjadi obsesi sebilangan Islamis terhadap *hudud* dan *qisas*, adalah tidak produktif dan tidak membantu.

Kemudian, Bab 3 akan meninjau secara lebih spesifik perubahan sejarawi yang berlaku sebelum dan semasa kita memasuki zaman moden. Tinjauan ini akan dilakukan dalam aspek politik, ekonomi, dan sosial. Saya akan menunjukkan bagaimana tata politik, ekonomi, dan sosial zaman moden ini setelah merancaknya perindustrian menuntut kepada pemikiran tentang keadilan yang segar dan baharu. Persoalan-persoalan baharu itu tidak pernah diketahui malah dibincangkan oleh ilmuwan-ilmuwan silam sebelum perindustrian.

⁷ Untuk huraian lanjut, lihat Fazlur Rahman (1982), *Islam and Modernity*. Chicago: University of Chicago Press.

Sejujurnya saya terkejut membaca karya seorang intelektual muda Melayu yang sangat brilian, Hazman Baharom. Ia, dengan wawasan yang luas dan penghayatan yang menukik jauh ke dalam, mengevaluasi secara kritikal hal ihwal mengenai keadilan. Di dalam karyanya Hazman sekaligus mampu membaca konteks keadilan masyarakat setempat, yakni masyarakat Melayu di masa kini, dengan posisi pemihakan yang jelas: berdiri bersama kaum termarjinalkan. Bagi para intelektual, sarjana dan siswa universiti dan sekolah menengah, sangat perlu membaca karya ini. Karya penting ini akan membawa para pembacanya ke arah yang tepat dan jelas, secara sistematis dan gaya bahasa yang mudah dimengerti, mengalir dan enak dibaca.

Hasnan Bachtiar

Presidium Jaringan Intelektual Muda Muhammadiyah (JIMM)

Apapun, membaca buku ini ialah menonton perkelahian teori keadilan yang begitu rencam dan meriah. Umpama menonton Rawlsian bertinju dengan teori-teori keadilan lain tanpa sedikit pun mengalah. Perlawanan yang dipersembahkan bakal menjanjikan wacana yang segar dan riuh dari kalangan pengkritik khususnya. Akhir sekali, bagi mereka yang laparkan ilmu, dahagakan teori, rindukan perdebatan wacana, saya yakin, buku tidak akan sesekali mengecewakan anda.

YB Dr Maszlee Malik

Menteri Pendidikan Malaysia

Apabila berlaku sesuatu ketidakadilan seperti pembunuhan beramai-ramai, pembantaian etnik, penindasan golongan miskin oleh golongan kaya, atau diskriminasi kaum serta gender, kita lazimnya akan merasa tidak selesa. Tetapi jika kita mahu bergerak maju membentuk sebuah masyarakat yang adil, apakah yang dimaksudkan dengan keadilan? Apakah landasan idea yang memandu konsep keadilan yang kita pegang? Buku ini akan meninjau bagaimana pemikir-pemikir sepanjang sejarah, khususnya pada zaman moden, berfikir tentang konsep keadilan. Dari situ, terdapat banyak pengajaran penting untuk kita yang sedang hidup pada zaman yang serba mendesak ini.



**Strategic
Information
and Research
Development Centre**

RM 35

ISBN 978-967-2165-56-9



9 789672 165569